



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG  
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS  
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**PERATURAN 7(a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT  
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**JURURAWAT (PARAMEDIK) (M.7-8 EB.9)  
JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 16 APRIL 2025  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 APRIL 2025  
BILANGAN IKLAN: 2025/APR/02/KKS**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURURAWAT (PARAMEDIK)**  
**JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.7-8 EB.9 (\$1,310 - \$2,315 EB KHAS \$2,385 - \$2,665 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SEMBILAN PULUH ENAM (96)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Diploma dalam bidang Paramedik atau sebanding dan bersesuaian.

**ATAU**

- b) *Advanced* Diploma dalam bidang Paramedik atau sebanding dan bersesuaian.

**ATAU**

- c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Paramedik atau sebanding dan bersesuaian.

2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memberi bantuan atau rawatan kecemasan perubatan yang diperlukan kepada pesakit / klien di tempat kejadian sebelum dan semasa dalam perjalanan ke hospital dengan menggunakan perkhidmatan darat, laut ataupun udara;
2. Bersedia untuk ditugaskan bila-bila masa untuk liputan perubatan (*Medical Cover*) apabila dikehendaki;
3. Bertugas secara bergilir-gilir dan bersedia untuk panggilan kecemasan bila diperlukan;
4. Bertanggungjawab ke atas keselamatan kenderaan dan pesakit yang dihantar ke hospital;
5. Memberi maklumat tentang pesakit, dengan menggunakan '*VHF RADIO*' kepada Jururawat yang bertugas di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan untuk rawatan selanjutnya;



6. Membantu dan bekerjasama dengan pihak agensi Kerajaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Penyelamat dan Bomba Brunei Darussalam dalam pengurusan sesuatu kejadian;
7. Berfungsi selaku perkhidmatan bantuan ‘*SUPPORT SERVICES*’ bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan pemindahan ke hospital bagi keadaan ataupun kes yang bukan kecemasan;
8. Mentadbir dan menguruskan unit dari segi strategik, latihan dan dasar; dan
9. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

<b>Alamat :</b>	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>
<b>Emel :</b>	<b><a href="mailto:recruitment.ahp@moh.gov.bn">recruitment.ahp@moh.gov.bn</a></b>
<b>No.Tel :</b>	<b>2383020</b>